

PROSEDUR PERMOHONAN eVDR@JIM

- + Majikan yang ingin mengambil pekerja asing perlu memohon Visa Dengan Rujukan (VDR) daripada Bahagian Pekerja Asing, Jabatan Imigresen Malaysia
- + Majikan perlu mendaftar ID melalui sistem eVDR@JIM atau menggunakan ID ePLKS@JIM bagi majikan yang sedia ada dan telah berdaftar.
- + Permohonan VDR boleh dikemukakan secara atas talian melalui aplikasi eServices.
- + Permohonan VDR pekerja asing hendaklah dikemukakan berdasarkan senarai semak seperti berikut:
 - Surat asal Kelulusan Bersyarat Kementerian Sumber Manusia (kelulusan kuota)
 - Resit asal bayaran levi
 - Jaminan sekuriti dalam bentuk Wang cagaran/ jaminan insuran/ jaminan bank (jaminan insuran mempunyai sah laku sekurang- kurangnya 18 bulan yang dimatikan setem)
 - Salinan pasport pekerja
 - Laporan pemeriksaan kesihatan dari negara sumber (mempunyai sah laku 3 bulan dari tarikh dikeluarkan)
 - Skim Pampasan Pekerja Asing (SPPA)
 - Slip pengesahan Skim Perlindungan Insuran Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA) – kecuali sektor perladangan
- + Pekerja asing hendaklah berada di negara asal sementara menunggu kelulusan VDR daripada Jabatan Imigresen Malaysia.

Sebarang Pertanyaan boleh dibuat di <https://eapp.imi.gov.my/tanya/create>